

## BAB 6

### GAYA SINDIRAN DALAM *YIN XIANZHANG*

*Yin xianzhang* merupakan koleksi cerpen Chen Ruoxi yang mendapat penghargaan dan penilaian yang tinggi dalam arena kesusasteraan. Chen Ruoxi menggunakan gaya penulisan berbentuk sindiran untuk meluahkan perasaannya terhadap Revolusi Kebudayaan, mencungkil dan mempamerkan gejala-gejala sosial serta menggambarkan sifat kemanusiaan pada ketika itu. Gaya sindiran ini bukan bertujuan untuk menulis sesuatu yang melucukan tetapi sebaliknya meluahkan perasaan sedih penulis terhadap apa yang berlaku semasa Revolusi Kebudayaan.

Dalam bab ini, gaya sindiran yang digunakan oleh Chen Ruoxi akan menjadi tumpuan perbincangan. Gaya sindirannya tidaklah rumit tetapi membawa kesan yang mendalam terhadap karyanya. Aspek-aspek yang akan dibincang ialah seperti berikut:

- (a) Perbandingan imej watak
- (b) Bahasa kiasan
- (c) Gaya hiperbolik

- (d) Sudut pandangan objektif
- (e) Objek dan alam sekitar yang simbolik
- (f) Lain-lain gaya sindiran

## 6.1 Perbandingan Imej Watak

Sebenarnya, tiada seorang watak yang benar-benar jahat dalam koleksi cerpen *Yin xianzhang* selepas berlakunya Revolusi Kebudayaan. Imej mereka berubah akibat kesetiaan secara membabi buta terhadap Parti Komunis China, kejahilan sendiri dan penyeksaan jiwa raga yang dihadapi. Chen Ruoxi menggunakan perubahan imej watak untuk menyindir kezaliman yang berlaku semasa Revolusi Kebudayaan.

Dalam cerpen “Cha hukou” , imej Leng Zixuan sebelum berlakunya Revolusi Kebudayaan adalah berbeza sekali selepas berlakunya Revolusi Kebudayaan. Menurut gambaran Chen Ruoxi, semasa Leng Zixuan baru dilantik sebagai profesor madya ketika berumur awal 30 tahun, beliau mempunyai gaya tersendiri yang menunjukkan kebanggaan diri. Semasa beliau berjalan, beliau akan menegakkan dada. Cara jalannya pun sangat istimewa sehinggalah ada pelajar yang mencontohi gaya jalannya.

Malangnya, selepas berlakunya Revolusi Kebudayaan, wajah beliau bertukar sama sekali. Chen Ruoxi menggambarkannya seperti berikut:

Umurnya tidak sampai 50 tahun tetapi hampir separuh daripada rambutnya telah bertukar menjadi putih. Kepalanya membotak. Dahinya seolah-olah dataran. Mukanya berkedut-kedut, kelihatan kaku, tanpa sebarang perasaan.(58)

Perubahan wajah Leng Zixuan amat ketara, daripada seorang yang membanggakan diri bertukar menjadi seolah-olah orang tua dan tumpul otaknya selepas berlakunya Revolusi Kebudayaan. Perubahan ini amat mengejutkan para pembaca terhadap dasar-dasar Parti Komunis China semasa Revolusi Kebudayaan. Revolusi Kebudayaan telah menyebabkan seorang yang berpendidikan menjadi seorang yang tidak berguna dan berputus asa.

Satu contoh lain ialah watak Ren Xiulan dalam cerpen "Ren Xiulan" . Wajah Ren Xiulan pada mulanya adalah seperti berikut:

Dia seorang yang bersikap tenang, suka meninggikan kepalanya. Kedua-dua belah tepi mulutnya menjulur ke atas, seolah-olah senyum tetapi sebenarnya tidak. Dia memerhatikan setiap orang yang berada di tempat itu dengan perlahan-lahan. Dia merupakan seorang kerani yang banyak berjasa terhadap Parti Komunis China. Orang ramai sangat menghormatinya.(90)

Malangnya, selepas beliau dianggap sebagai “Ahli Pemberontak 16 Mei” , imejnya berubah:

Dia kelihatan tua dan pucat, rambutnya bertukar menjadi putih, mukanya yang bulat kini menjadi panjang. Kedut-kedut di mukanya jelas kelihatan.(90)

Harus diingatkan bahawa cara kehidupan yang sederhana semasa beliau masih popular cumalah lakonannya semata-mata. Pada hakikatnya, hidupnya sangat mewah dan boros.

Chen Ruoxi menggunakan perbandingan imej Ren Xiulan untuk menyindir kader-kader Parti dan seterusnya Revolusi Kebudayaan. Di depan orang ramai, mereka akan menonjolkan

imej yang positif tetapi sebenarnya ia cumalah satu lakonan sahaja. Ini menunjukkan sebenarnya tidak ramai orang yang betul-betul melaksanakan dasar-dasar Revolusi Kebudayaan, termasuklah kader-kader Parti Komunis China.

Imej Xiao Qing dalam “Geng’er zai Beijing” juga berubah selepas Revolusi Kebudayaan. Pada mulanya:

Xiao Qing merupakan seorang wanita yang tulus hati, mempunyai sepasang mata yang besar dan kening yang panjang. Dia mempunyai daya tarikan yang istimewa. Senyumannya manis dan menawarkan.(109)

Malangnya Xiao Qing berubah selepas menyertai pasukan propaganda yang ditubuh khas oleh Parti Komunis China semasa Revolusi Kebudayaan:

Beliau berjalan perlahan-lahan seorang diri di tepi jambatan. Air mukanya kelihatan serius. Dia menegakkan kepalanya. Matanya mengerling. (118)

Imejnya sedemikian mengejutkan kekasihnya Geng'er. Betapa kejamnya Revolusi Kebudayaan! Seorang gadis yang tulus hati dan manis kini bertukar menjadi seorang yang kelihatan serius!

Xiao Zhang dalam "Yin xianzhang" pula digambarkan sebagai seorang pelajar sekolah menengah yang serius menyebut-nyebut slogan pro-Komunis seperti "Mempertahankan Chairman Mao" dan "Menyokong Revolusi". Xiao Zhang merupakan watak tipikal Revolusi Kebudayaan. Ketika dipandang berat, beliau akan mendapat layanan baik dan diberi kuasa. Apabila beliau dilantik menjadi Timbalan Komander Kumpulan Pengawal Merah, beliau diberi pejabat khas untuknya, bahkan mempunyai Setiausaha peribadi. Orang ramai dilarang memasuki pejabatnya dengan sesuka hati(174). Tetapi, apabila Xiao Zhang kehilangan pengaruh, beliau terpaksa menyembunyikan diri daripada penangkapan Parti Komunis China. Beliau tidak berani pulang ke rumah untuk jangka masa lebih daripada tiga bulan. Hancurlah harapan dan masa depan seorang pemuda akibat pergolakan politik.

Revolusi Kebudayaan memberi harapan kepada sesetengah orang seperti Mayor Yin tetapi pada masa yang sama ia juga menghancurkan harapan sesetengah orang lain misalnya pemuda seperti Xiao Zhang. Banyak pemuda terpaksa menghentikan pelajaran untuk menyertai program reformasi pemikiran anjuran Parti Komunis China. Selepas berakhirnya Revolusi Kebudayaan, berjuta-juta pemuda berpelajaran ini tidak dapat menentukan arah masa depan mereka dan mendatangkan masalah sosial yang serius.

## **6.2 Bahasa Kiasan**

Chen Ruoxi menggunakan dialog antara watak-watak dan bahasa yang mempunyai dua makna untuk menggambarkan perasaan dan sifat-sifat watak serta membongkar keadaan sebenar Revolusi Kebudayaan.

### **6.2.1 Dialog antara Watak-watak**

Dalam karya “Cha hukou” dan “Ren Xiulan” , Chen Ruoxi menggunakan dialog-dialog yang mengkritik dasar Parti Komunis China secara tidak langsung.

Sebagai contoh, Leng Zixuan dalam karya “Cha hukou” dituduh menulis sajak yang berunsur Anti-Parti Komunis China dan mengkritik Mao Zedong tetapi Leng Zixuan tidak mengakui bahawa dirinya berniat demikian. Sehubungan ini terdapat satu dialog antara Cikgu Wen dan Zhou Min 周敏 seperti berikut:

“Pernahkah anda membaca sajak ini?” Saya bertanya.

Zhou Min menggeleng-gelengkan kepalanya lalu berkata: “Leng Zixuan itu degil orangnya. Setelah beberapa kali disuruh menulis surat pengakuan, dia masih enggan mengaku bahawa sajak ini berunsur Anti-Parti Komunis China tetapi semata-mata menggambarkan keadaan realistik dan juga pemandangan alam. Ada orang meminta supaya sajak itu dipaparkan untuk tatapan orang ramai tetapi pihak atasan menganggap hal ini tidak patut diperbesar-besarkan. Oleh itu, mereka enggan memaparkan sajak Leng Zixuan dan surat pengakuannya. Walaupun isu ini hangat dibincangkan, tetapi orang ramai tidak mengetahui isi kandungan sajak ini.” (71)



Dalam karya “Ren Xiulan” pula, semasa Ren Xiulan dituduh sebagai “Ahli Pemberontak 16 Mei” , ada orang bertanya sama ada beliau “Ahli Pemberontak 16 Mei” , dan inilah jawapan yang diberi oleh Cikgu Chen:

“Saya sendiri pun kurang pasti patutkah kita bertanya sedemikian. Agak-agaknya ini satu hakikat. Apa yang diucapkan oleh Pemimpin Pusat Parti Komunis rasa-rasanya tidak ada kesilapan.” (84)

Berdasarkan dialog-dialog di atas, kita dapat melihat satu persamaan, iaitu biasanya orang terdapat dituduh bersalah, tetapi orang lain atau kawan sekelilingnya tidak akan memahami mengapa watak-watak tersebut disabitkan kesalahan. Walaupun orang ramai berasa curiga terhadap tuduhan tersebut tetapi mereka tidak berani tampil ke depan untuk membongkarkan keadaan sebenar kerana takut dianiayai oleh Parti Komunis. Mereka terpaksa menjaga kepentingan diri demi meneruskan kehidupan.

Dalam karya “Geng’er zai Beijing” , Xiao Zhang mempelawa Geng’er untuk makan malam pada Tahun Baru Cina. Mereka

bercakap tentang politik. Isteri Xiao Zhang memberi amaran kepada mereka agar jangan menyentuh isu-isu sensitif. Xiao Zhang berkata, “Jangan bimbang. Saya memang sentiasa menyesuaikan diri dengan keadaan semasa” (140).

Satu lagi contoh terdapat dalam cerpen tersebut. Dalam satu perhimpunan khas, seorang buruh berucap dengan mengatakan bahawa Lin Biao pernah menyebut kata-kata yang berbunyi:

“Negeri China Baru bertujuan kembali ke zaman Konfusius di mana majoriti rakyat menjadi hamba abdi dan segelintir rakyat menjadi bangsawan” (141). Pada ketika itu, orang ramai memberi sambutan hangat terhadap ucapan buruh tersebut walaupun mereka tidak pernah mendengar Lin Biao berucap sedemikian. Geng'er mengeluh dan berkata: “Di mana-mana pun, orang ramai hanya tahu mengikut-ikut sahaja apa yang dilakukan oleh orang lain” (141). Xiao Zhang pula berkata: “Adalah baik kita mengikuti keadaan semasa” (141).

Jelas kelihatan, Xiao Zhang merupakan seorang yang pandai menjaga diri dengan melihat keadaan semasa dan seterusnya menyesuaikan diri. Dia memahami bahawa perasaan tidak puas

hati akan membawa kesusahan kepada diri sendiri. Chen Ruoxi menyindir dan mengkritik Parti Komunis China yang ingin menghapuskan pemikiran kuno pada zaman feudal tetapi hakikatnya ialah pemerintahan Parti Komunis China sendiri lebih teruk daripada zaman feudal. Parti Komunis China cuba sedaya upaya untuk memaksa rakyat jelata tunduk kepada dasar-dasar Parti tetapi pegawai-pegawai Parti pula mengingkari dasar-dasar Parti secara rahsia. Rakyat nampaknya mematuhi segala dasar Parti Komunis China tetapi sebenarnya mereka cuma memandangi keadaan semasa dan mengikuti apa yang dilakukan oleh orang lain demi kepentingan sendiri. Sebenarnya mereka berasa tidak puas hati.

Dalam karya "Yin xianzhang" pula, Mayor Yin berasa terperanjat apabila mengetahui Liu Shaoqi telah dihukum kerana memetik kata-kata Konfusius dan Mensius dalam karyanya. Mayor Yin bertanya:

"Apa salahnya kata-kata Konfusius dan Mensius? Saya pernah melihat Mao Zedong sendiri pun pernah memetik kata-kata Konfusius dan Mensius dalam satu dokumennya."

“Sudah pasti tidak sama! Hanya Mao Zedong seorang sahaja yang boleh memetik kata-kata Konfusius dan Mensius. Kalau orang lain membuat sedemikian, dia akan dituduh mempunyai niat lain dan dianggap ingin kembali ke masa silam.” (167)

Inilah keadaan sebenar pemerintahan Parti Komunis China pada masa revolusi kebudayaan, dengan menuduh seseorang hanya mengikut perasaan sesuka hati sahaja. Adakah negara sedemikian dapat membangun? Chen Ruoxi menggunakan isi kandungan dialog ini untuk menyindir dasar pemerintahan Parti Komunis China pada masa itu.

Dalam “Geng'er zai Beijing” , perbualan antara Lao Lu 老鲁 dengan Geng'er di sebuah restoran mendedahkan masalah pemuda-pemudi negari China akibat dasar Parti Komunis China yang memaksa mereka ke kawasan pergunungan dan perladangan demi tujuan reformasi pemikiran melalui perburuhan.

Lao Lu berkata:

“Saya pernah berkata anak ini tidak bernasib baik. Emaknya tidak percaya. Cuba lihat, rakan-rakannya yang dihantar ke kawasan pedalaman Mongolia kini semuanya menuntut Bahasa Inggeris di Pusat Bahasa Asing.” (103)

“Sudah berumur 25 tahun, masih perlukan saya mengirim makanan dan pakaian untuknya. Jika emaknya hendak menjenguk anak, saya terpaksa mengirim wang untuknya pulang ke rumah.” (104)

Dialog-dialog ini amat berkesan dalam usaha menyindir dasar Parti Komunis China yang memaksa para remaja meninggalkan tempat kediaman untuk bekerja di kawasan perkampungan. Mereka tidak boleh membantah dasar kerajaan ini walaupun dasar ini merampas peluang keemasan mereka untuk belajar.

### **6.2.2 Bahasa yang Mempunyai Dua Makna**

Dalam karya “Jingjing de Shengri” , terdapat satu ayat yang diucapkan oleh Cikgu Wen, iaitu “Terima Kasih Chairman Mao” . Sebenarnya, ayat ini sengaja digunakan oleh Chen Ruoxi untuk

menyindir Revolusi Kebudayaan. Apakah sebabnya Cikgu Wen mengucapkan terima kasih kepada Mao Zedong? Sebenarnya ayat ini mempunyai dua makna. Yang pertama, ia merupakan kata-kata azimat untuk melindungi diri sendiri. Apakah kaitan melahirkan anak dengan Mao Zedong sehingga Cikgu Wen mengucapkan terima kasih kepada Mao Zedong? Chen Ruoxi menggunakan ayat ini untuk menyindir dasar Parti Komunis China yang melucukan semasa Revolusi Kebudayaan. Dalam pada itu, Cikgu Wen harus juga berterima kasih kepada Mao Zedong kerana akibat kekejamannya, dia berpeluang untuk berkenalan dan berkawan dengan seorang yang mempunyai banyak perbezaan baik dari segi pemikiran mahupun cara hidup. Orang itu ialah Makcik Wang.

Dalam karya “Zhiye” , kita dapat melihat banyak paksaan digunakan oleh Parti Komunis China untuk mencapai matlamatnya:

Setiap pagi, lagu Parti akan dimainkan untuk membangunkan orang ramai. Pada masa makan tengah hari dan masa berehat, lagu yang berkaitan dengan revolusi juga dimainkan. Sebelum masuk tidur,

sekali lagi lagu Parti akan dimainkan.  
Kehidupan sedemikian berulang-  
ulang setiap hari.(34)

Sebenarnya, penyiaran lagu-lagu ini bukan sahaja mengganggu kehidupan dan pemikiran orang ramai, ia boleh disifatkan sebagai satu tindakan yang mencabuli kebebasan diri seseorang. Bagi Liu Xiangdong, beliau terpaksa menyesuaikan diri dan menerima keadaan hidup sedemikian. Chen Ruoxi menggambarkan ini untuk menyampaikan satu mesej yang menyindir Revolusi Kebudayaan, iaitu walau betapa tidak rasionalnya dasar Revolusi Kebudayaan, orang ramai terpaksa juga mematuhiya demi meneruskan kehidupan mereka. Apakah daya mereka?

### **6.3 Gaya Hiperbolik**

Chen Ruoxi juga menggunakan gaya hiperbolik untuk membuat sindiran. Misalnya, dalam karya "Ren Xiulan" , apabila kanak-kanak dan Cikgu Chen menjumpai mayat Ren Xiulan di tangki najis, reaksi Cikgu Chen begitu besar sekali. Katanya:

"Saya jatuh sakit untuk jangka  
masa hampir satu minggu. Setiap

hari saya terbaring di atas katil, tiada selera untuk makan dan minum. Sebaik sahaja saya pejam mata saya, saya akan terkenangkan mayatnya yang membengkak menyebabkan saya berasa ingin muntah tetapi tidak dapat berbuat sedemikian. Saya mula menyesuaikan diri dengan keadaan ini secara perlahan-lahan dan mula menyedari bahawa kejadian ini bukan disebabkan reaksi fizikal badan tetapi disebabkan perasaan yang menghantui jiwa saya. Saya berasa bimbang tidak dapat melupakan perasaan ini sepanjang hayat saya." (97)

Sebenarnya reaksi sedemikian tidaklah melampau sangat tetapi apabila dikaitkan dengan Cikgu Chen, ia kelihatan sebaliknya Cikgu Chen tidaklah akrab dengan Ren Xiulan. Dia cuma terserempak dengan Ren Xiulan beberapa kali sahaja. Chen Ruoxi sengaja membesar-besarkan reaksi Cikgu Chen. Ketika menjumpai mayat Ren Xiulan, harus diingatkan bahawa ramai kanak juga turut melihat mayatnya. Apakah reaksi mereka? Menurut gambaran Chen Ruoxi:

Mereka membuka mata seluas-luasnya, ada pula yang menutup hidung dengan tangan; ada pula beberapa orang kanak berasa takut lalu bersembunyi di belakang rakan-



rakannya serta menutup matanya dengan tangan.(96)

Dalam bahagian kesudahan cerpen ini, Chen Ruoxi juga sengaja membesar-besarkan reaksi Cikgu Chen. Kata Cikgu Chen:

“Kematian Ren Xiulan seolah-olah seketul besi yang berada dalam hati saya, semakin lama, semakin mendalam ia tenggelam di dalam hati saya.” (98)

Chen Ruoxi menggunakan reaksi Cikgu Chen yang melampau ini untuk mengkritik dan menyindir dasar-dasar Parti Komunis China semasa Revolusi Kebudayaan. Selepas kejadian Lin Biao, semua orang yang dianggap “Ahli Pemberontak 16 Mei” telah dibebaskan tetapi malangnya Ren Xiulan tidak sempat menunggu saat-saat ini. Sia-sia sahaja beliau menjadi mangsa! Penggunaan teknik hiperbolik berdasarkan kenyataan ini menambahkan kesan sindiran dalam karya Chen Ruoxi.

#### 6.4 Sudut Pandangan Objektif

Dalam karya “Yin xianzhang” , Chen Ruoxi menggunakan sudut pandangan secara objektif seorang narator untuk menggambarkan keadaan sosial di bahagian selatan Provinsi Shanxi 陝南 semasa Revolusi Kebudayaan. Pandangan pihak tersebut secara tidak langsung membolehkan pengarang membuat sindiran terhadap Revolusi Kebudayaan.

Mayor Yin pernah bertanya kepada seorang narator tentang sebab-sebab Revolusi Kebudayaan dilancarkan. Jawapan yang diberi oleh narator yang datang dari Beijing amat mengecewakan. Beliau berkata:

“Saya pun tidak memahami apakah tujuan sebenar Revolusi Kebudayaan dilancarkan. Saya cuma mengetahui melalui akhbar dan mendengar kata-kata orang lain.” (165)

Ini menunjukkan bahawa dasar Parti Komunis China semasa Revolusi Kebudayaan mempunyai pengaruh yang tertentu terhadap orang ramai tetapi mereka tidak dapat memahami matlamat Revolusi Kebudayaan dan kaitannya dengan kehidupan

mereka. Apabila narator tersebut mendapati bahawa Mayor Yin masih berusaha untuk memahami kata-katanya, dia menasihati Mayor Yin agar “percaya kepada orang ramai, lebih-lebih lagi percaya kepada dasar Parti Komunis China” (166). Seterusnya narator ini tidak berani lagi untuk meneruskan hujah-hujahnya kerana dia mengetahui dirinya bercakap bohong(166).

Pada kali kedua narator itu datang ke Selatan Shanxi, Mayor Yin telah menjadi sasaran Parti Komunis China. Narator itu menasihati Lao Yin 老尹 supaya menafikan sebarang kaitan dengan Mayor Yin tetapi Lao Yin tidak sanggup berbuat demikian. Akibatnya Lao Yin dipaksa mengikuti program reformasi pemikiran dengan pengawalan ketat tanpa kira siang atau malam. Nasib baik mereka yang bertugas sebagai pengawal masih berperikemanusiaan. Mereka membenarkan Lao Yin berehat pada pukul hampir 10 malam. Narator ini mendapati bahawa mereka yang berasal dari kawasan pergunungan sangat bertimbangrasa dan berperikemanusiaan kerana membenarkan Lao Yin berehat awal. Walhal dalam keadaan biasa, seseorang yang menjalani proses reformasi pemikiran terpaksa melalui sesi pembasuhan otak tanpa berhenti-henti sehinggalah larut malam. Oleh yang

emikian, narator itu menasihati Lao Yin agar percaya dan patuh kepada Parti serta orang ramai untuk mengelakkan dirinya daripada menjalani proses reformasi pemikiran yang menyeksakan(176). Kata-kata narator itu nampaknya seolah-olah memuji Parti Komunis China, sebenarnya ia digunakan untuk mengkritik Parti Komunis China yang hipokrit.

Apabila narator itu mengetahui bahawa Lao Yin telah meninggal dunia, dia cuma mengeluarkan satu ayat yang lazim diperkatakan oleh Mao Zedong iaitu:

“Kematian merupakan satu perkara yang sering berlaku.” (181)

Melalui ayat ini, didapati semasa Revolusi Kebudayaan, ramai orang yang tidak berdosa telah menjadi mangsa kekejaman Parti Komunis China. Ia membuktikan bahawa janji-janji Parti Komunis China terhadap rakyat cumalah merupakan tipu helah sahaja.

## 6.5 Objek dan Alam Sekitar yang Simbolik

Chen Ruoxi banyak menggunakan teknik metafora dan simbolik untuk memperkayakan cara penyampaiannya yang seterusnya menjadikan karyanya lebih menarik.

Dalam karya "Zhiye" , Lao Fu pada asalnya merupakan seorang profesor tetapi pada akhirnya beliau telah menjadi mangsa dalam Revolusi Kebudayaan dan dihantar untuk bekerja di ladang. Beliau cuba sedaya upaya untuk mencari tin kosong dan apabila beliau mempunyai masa lapang, beliau akan mengetuk tin kosong itu dengan menumpukan sepenuh perhatian. Sebenarnya tindakan ini melambangkan kehidupan Lao Fu yang membosankan dan tidak bermakna.

Chen Ruoxi menggunakan tin kosong untuk mewakili ideologi Komunisme. Sebelum dihantar ke ladang, Lao Fu melambangkan golongan intelek yang sangat setia dan menyanjung tinggi terhadap ideologi Komunisme. Pada peringkat awal, Lao Fu dikatakan mempunyai minat yang mendalam untuk membuat dapur, tetapi tidak lama kemudian, beliau digambarkan melakukan kerja membuat dapur secara mekanikal tanpa

sebarang minat seperti dahulu kala. Perubahan ini melambangkan perubahan perasaan golongan intelek terhadap ideologi Komunisme.

Chen Ruoxi juga menggunakan perubahan iklim untuk melambangkan sesuatu perkara. Beliau sering menggunakan angin sebagai tanda simbolik. Sebagai contoh, dalam karya "Zhiye" , Chen Ruoxi menggambarkan pemandangan ketika Liu Xiangdong bertugas malam seperti berikut:

Malam bulan Mei di bahagian utara Provinsi Jiangsu begitu nyaman sekali. Kelihatan bulan sabit tergantung pada langit begitu luas sekali, seolah-olah sebuah dataran yang tiada sempadan. Liu Xiangdong berjalan perlahan-lahan seorang diri. Terdapat parit di kedua-dua belah tepi jalan. Air mengalir masuk ke sawah padi dengan perlahan-lahan. Bunyi aliran air jelas kedengaran pada malam yang sunyi sepi ini. Pemandangan malam ini mengingatkan kembali terhadap kampungnya. Di kampung asalnya, bunyi serangga kedengaran di merata-rata tempat. Bayu laut bersiul. Gunung-ganang kelihatan samar-samar pada sebelah malam. Bulan terletak rendah sekali, seolah-olah dapat disentuh oleh tangan. Di sini dia berasa dirinya kecil dan tidak

terdaya apabila berada di dataran yang tiada sempadan ini.(42)

Perubahan emosi Liu Xiangdong ditonjolkan oleh perubahan pemandangan alam sekitar. Semakin luas dataran itu, semakin tidak terdaya rasanya. Dia menghadapi tamparan demi tamparan dalam kehidupan. Impiannya termusnah akhirnya. Dia mengeluh kerana perubahan berlaku dengan cepat sekali dan tidak dapat dijangka oleh sesiapa pun.

Cuaca sudah berubah. Angin bertiup sekali lagi. Tidak dapat dijangka perubahan cuaca di Utara Jiangsu berlaku dengan begitu pantas. Sekelip mata sahaja, malam sudah menjelang. Keadaan sekitar gelap-gelita. Bulan tidak kelihatan di langit lagi. Angin mula bertiup dengan kencang. Liu Xiangdong berasa sejuk lalu menggagit.(49)

Keadaan ini melambangkan Liu Xiangdong berasa bimbang dan gementar terhadap nasib masa hadapannya yang masih belum diketahui.

Suatu contoh lagi terdapat dalam cerpen "Yin xianzhang" . Sebelum Mayor Yin meminta tunjuk ajar daripada narator, Chen

Ruoxi menggambarkan keadaan alam sekitar ketika itu. Menurut beliau:

Setelah matahari terbenam, angin pun mula bertiup. Ketika keadaan sekitar gelap-gelita, angin bertiup semakin kencang dan tidak berhenti-henti.(164)

Setelah selesai perbualan dengan narator, Mayor Yin masih tidak mendapat cara penyelesaian. Ketika itu:

Angin semakin lemah. Hujan mulai turun renyai-renyai. Bunyi hujan seolah-olah bunyi yang dikeluarkan oleh ulat yang sedang memamah daun.(169)

Kekecewaan dan kesedihan Mayor Yin ditonjolkan oleh alam semula jadi seperti yang digambarkan.

Selepas dua tahun, narator itu bertemu dengan adik sepupu Xiao Zhang di Beijing, dan diberitahu keadaan sebelum Mayor Yin diadili dan dihukum:



Tiba-tiba, angin bertiup kencang sehinggakan tanah pasir dan sampah sarap tergulung ke atas dan berterbangan di langit. Entah ke mana Sang Suria menyembunyikan diri. Langit kelihatan mendung. Saya terpaksa menyempitkan mata dan cuba mengelak tiupan angin. Muka saya berasa kebas dan gatal tiupan angin itu.(179)

Kematian Mayor Yin yang tidak berdosa itu seolah-olah tiupan angin tersebut, menyebabkan orang berasa sejuk dan menggigil.

## **6.6 Lain-lain Gaya Sindiran**

Tajuk “Zhiye” mempunyai makna tersirat untuk menyindir dasar Parti Komunis China semasa Revolusi Kebudayaan. Apakah rasionalnya Parti Komunis China menghantar golongan intelek untuk belajar daripada golongan petani miskin, tetapi pada masa yang sama golongan intelek disuruh bertugas malam untuk mengawasi golongan petani miskin daripada melakukan pencurian? Mengikut dasar Parti Komunis China, golongan petani miskin menjadi teladan kepada golongan intelek tetapi pada hakikatnya Liu Xiangdong mendapati pencuri yang ditangkap di

bilik stor makanan rupa-rupanya ialah Wei Dong, seorang petani miskin yang menjadi teladan pembelajaran golongan intelek. Di sini, Chen Ruoxi ingin menggunakan insiden ini untuk mengkritik dasar Pusat Parti Komunis China.

Golongan intelek dihantar ke ladang untuk menjalani reformasi pemikiran melalui perburuhan. Sebenarnya dasar ini membazirkan wang dan tenaga sahaja, dan langsung sekali tidak membawa sebarang hasil seperti yang diharapkan. Fikiran golongan intelek tidak dapat diubah. Petani miskin pula terpaksa mencuri bekalan makanan untuk meneruskan kehidupan mereka. Kerja-kerja di sekolah dan badan-badan lain terbengkalai. Ini merupakan satu halangan besar dalam usaha pembangunan negara. Mao Zedong pernah berkata: "Manusia merupakan sumber yang paling bernilai di dunia ini" (47). Akan tetapi, jelasnya semasa Revolusi Kebudayaan, sumber tenaga yang paling bernilai, khasnya golongan intelek, telah diabaikan dan diseksa. Bukankah ini satu sindiran terhadap dasar Parti Komunis China?

Dalam karya "Cha hukou", pengawalan penduduk dijalankan pada sebelah malam ketika orang yang disiasat sedang

tidur dengan lena. Mereka dikejutkan pada tengah malam. Apa yang melucukan ialah pengawalan penduduk tidak dijalankan terhadap setiap keluarga tetapi cuma terhadap sesetengah keluarga sahaja, khasnya mereka yang disyaki mempunyai masalah. Dalam karya tersebut, terdapat satu dialog seperti berikut:

“Entah mengapa pengawalan penduduk dijalankan sekali lagi semalam. Nampaknya orang-orang ini mempunyai terlalu banyak masa lapang.” Ejek Peng Yulian.

“Mengikut kata pekerja kilang jam tangan, oleh sebab Presiden Nixon melawat Beijing, Parti Komunis China mengenakan kawalan ketat untuk menjamin keselamatannya. Mungkin kerana inilah Parti Komunis China mengawal gerak-geri kita.” (57)

Ini merupakan kehebatan Chen Ruoxi di mana beliau dapat menimbulkan perasaan simpati pembaca terhadap kehidupan di bawah pemerintahan Parti Komunis China. Yang berikut adalah beberapa contoh yang menonjol.

Dalam “Ren Xiulan” , Ren Xiulan melarikan diri akibat lisyaki merupakan “Ahli Pemberontak 16 Mei” . Setelah melariannya, beberapa puluh orang di Kolej Hidraulik telah dikerahkan untuk mencari dan menangkapnya semula. Dalam karya tersebut, terdapat petikan seperti berikut:

Mustahil dia dapat melarikan diri!  
Bukankah dia dikawal oleh lima hingga enam orang setiap masa? Mereka belajar bersama-sama tanpa kira siang dan malam. Semasa makan tidur mahupun pergi ke tandas ada sahaja orang yang mengekorinya. Setiap pintu bilik dipaku dengan kayu-kayu. Pengawalan begitu ketat sekali, bagaimanakah dia dapat melarikan diri dengan mudah?(79)

Petikan ini menggambarkan keadaan kehidupan seseorang yang hilang kebebasan dan hidup di bawah pemerintahan Parti Komunis China yang kejam. Bukanlah senangnya seseorang itu dapat melepaskan diri daripada keadaan kehidupan sebegini. Jelasnya, Chen Ruoxi menggunakan gambaran sedemikian untuk mengkritik kekejaman Parti Komunis China.

Satu lagi contoh sindiran ialah kes Geng'er. Geng'er mendapat Ph.D di Amerika Syarikat. Beliau berazam untuk pulang ke negeri China untuk menyumbangkan ilmu kepakarannya. Malangnya latar belakang pendidikannya menimbulkan banyak masalah. Beliau didiskriminasi malah disuruh oleh Parti untuk belajar daripada para petani dan askar. Ini merupakan satu penghinaan bagi Geng'er.

Seandainya Geng'er terus tinggal di Amerika Syarikat dan tidak pulang ke negeri China, beliau akan dianggap sebagai rakyat asing dan akan menerima layanan yang istimewa seperti yang ditunjukkan dalam peristiwa berikut. Semasa berlakunya Revolusi Kebudayaan, Parti Komunis China sering menyambut rakyat asing dengan meriah sekali, seperti sambutan yang dipertunjukkan terhadap Han Suyin 韩素音(143).<sup>1</sup> Malangnya, setelah Geng'er pulang ke negeri China, dia tidak dapat menikmati sambutan yang meriah dan istimewa. Beliau terpaksa merebut tempat duduk

---

<sup>1</sup>Han Suyin merupakan seorang anak serani yang dilahirkan pada tahun 1918 di China. Nama asalnya Rosalie Zhou 罗莎莉周. Beliau merupakan penulis yang terkenal di Barat dan sering kali pulang ke China. Dalam tulisan dan juga ucapannya memperkenalkan China kepada dunia Barat, beliau sentiasa memuji-mujikan China. Oleh itu, beliau mendapat sambutan baik dari pihak Parti Komunis China.

engan orang lain ketika makan di restoran tetapi rakyat asing  
iberi layanan istimewa dan boleh menjamu selera di ruang yang  
ebih selesa(115). Geng' er hanya dapat menikmati layanan  
stimewa apabila kawannya dari negara asing datang melawatnya.  
dengan ini barulah beliau berpeluang mengunjungi restoran yang  
stimewa. Bukankah ini satu sindiran bagi seorang pemegang  
h.D dari negeri asing?

Gambaran sebelum Mayor Yin ditembak mati juga  
nerupakan satu teknik sindiran yang berkesan. Mayor Yin  
nelaungkan slogan "Hidup Chairman Mao" di depan mata para  
kumpulan Pengawal Merah sebelum menjalani hukuman mati.  
Kedua-dua pihak iaitu Mayor Yin dan para Kumpulan Pengawal  
Merah merupakan pengikut setia Mao Zedong. Kalau Kumpulan  
Pengawal Merah menutup mulut Mayor Yin, ia akan dianggap  
sebagai satu perbuatan Anti-Mao. Maka, Kumpulan Pengawal  
Merah tersebut membiarkan Mayor Yin melaungkan slogan itu  
sambil melepaskan tembakan membawa maut. Tetapi pembaca  
akan menanya: bukankah ia satu kesalahan menembak seorang  
yang begitu setia terhadap Mao Zedong? Adegan ini menunjukkan  
kekejaman semasa Revolusi Kebudayaan dan juga menyindir

kesetiaan rakyat secara membabi buta terhadap Parti Komunis China dan Mao Zedong.

Contoh seterusnya ialah gambaran menarik dalam “Zhiye” di mana Parti Komunis China menjahilkan rakyat supaya menyokong Parti secara membabi buta:

Lao Fu memberitahu Liu Xiangdong bahawa dia suka membaca dan membeli buku, tetapi selepas berlakunya Revolusi Kebudayaan, dia membakar buku-bukunya atau menjual buku-bukunya secara murah. Mulut Liu Xiangdong ternganga, entah disebabkan terperanjat atau berasa sayang sekali apabila mendengar berita ini. Dia tidak dapat berkata apa-apa, cuma mendiam diri sahaja.(51)

Liu Xiangdong tidak memahami bagaimana seorang pensyarah universiti mempunyai pengalaman pahit sedemikian, malah mensia-siakan nyawanya di ladang. Ketika itu, beliau teringat suatu gambar yang diminat dalam keratan akhbar yang dibacanya dahulu. Dalam gambar tersebut, Mao Zedong kelihatan mengalu-alukan tetamu asing dalam biliknya yang dipenuhi dengan buku-buku(51). Ketika itu, Xiangdong mulai menyedari bahawa ia

merupakan taktik Parti Komunis China yang tidak membenarkan rakyat China membaca buku supaya mereka tidak membantah dasar-dasar Parti. Oleh itu, golongan intelek telah dihantar ke ladang untuk menjalani kerja-kerja perburuhan. Cuma Mao Zedong seorang sahaja yang boleh membaca dan menyimpan buku. Kalau keadaan sedemikian berlarutan, dia tidak berani membayangkan masa depan negeri China. Gambaran ini menyindir pemimpin negara yang cuba menjahilkan pandangan rakyat China.

Berdasarkan aspek-aspek yang dibincangkan di atas, Chen Ruoxi banyak menggunakan teknik sindiran dalam karyanya. Teknik sindiran dapat dikesan melalui perbualan atau perbandingan sebelum dan selepas. Teknik sindiran ini memberi kesan yang menarik, lebih-lebih lagi apabila ia bergabung dengan pemikiran dan perasaan penulis serta pengalaman hidupnya semasa Revolusi Kebudayaan. Chen Ruoxi berjaya menghasilkan karya yang menarik dan bermakna sekali. Beliau berjaya menonjolkan perasaan suka-duka dan keprihatinannya terhadap rakyat China. Pendek kata, beliau menggambarkan tragedi



nasyarakat China semasa Revolusi Kebudayaan yang juga merupakan satu tragedi kemanusiaan.